

6

ANALISIS AMALAN NILAI-NILAI MURNI USAHAWAN BERJAYA MARA PERLIS

PENGENALAN

Analisis kajian nilai-nilai murni dalam kalangan usahawan berjaya MARA Perlis cenderung untuk memperincikan beberapa perkara penting untuk memenuhi objektif kajian secara menyeluruh. Dalam perbahasan ini, penulis akan menganalisa nilai-nilai murni secara umum yang relevan dengan bidang keusahawanan menurut pandangan Islam. Lanjutan daripada perbincangan tersebut, penulis juga akan melihat nilai-nilai murni yang diklasifikasikan sebagai nilai teras untuk diaplikasikan oleh pengusaha Islam. Nilai-nilai teras yang disaring berdasarkan kepada petunjuk keusahawanan Islam adalah penting kepada para pengusaha untuk disuntik dalam diri setiap individu yang terbabit. Di samping itu, analisis juga turut melibatkan sama ada nilai-nilai murni yang dipraktikkan oleh usahawan berjaya tersebut memenuhi dengan tuntutan yang diutarakan oleh keusahawanan Islam. Penganalisaan tersebut penting untuk mendapatkan jawapan sama ada nilai-nilai yang diaplikasikan oleh usahawan mempunyai relevansinya dengan nilai-nilai keusahawanan yang ditaja oleh Islam yang bersifat realistik dan holistik.

Sehubungan dengan itu, perbahasan kajian juga turut menganalisis usahawan berjaya berdasarkan kepada kerangka keusahawanan Islam. Dapatan kepada kerangka tersebut penting untuk dijadikan rujukan kepada pihak-pihak yang berkaitan dengan hal ehwal keusahawanan untuk melihat gambaran

yang tepat berkaitan usahawan berjaya menurut acuan Islam. Di samping itu, perbincangan juga difokuskan kepada kriteria penilaian usahawan berjaya. Ini kerana, penilaian kriteria usahawan berjaya yang diimplemetasikan pada masa kini didapati belum jelas sama ada ianya berasaskan kepada petunjuk keusahawanan Islam atau sebaliknya. Dengan adanya kriteria penilaian tersebut sekurang-kurangnya ia boleh dijadikan panduan alternatif kepada agensi-agensi yang berkaitan dalam menilai usahawan berjaya. Bagi memenuhi analisis kajian ini, penganalisan kajian difokuskan kepada tema-tema seperti berikut:

NILAI-NILAI MURNI USAHAWAN BERJAYA

Perbincangan nilai-nilai murni usahawan Berjaya MARA Perlis akan dikupas seperti berikut:

Amalan Nilai-nilai Murni dalam Kalangan Usahawan Berjaya

Merujuk kepada perbincangan yang lepas, nilai-nilai murni merujuk kepada nilai-nilai positif yang perlu ada pada setiap individu untuk diaplikasikan dalam seluruh ruang lingkup kehidupan sehariannya. Dalam konteks keusahawanan pula, nilai-nilai murni adalah elemen-elemen penting yang perlu dijadikan asas pertimbangan kepada setiap pengusaha untuk mencapai kejayaan. Ini kerana, nilai-nilai murni yang dihayati dan diaplikasi tersebut mendorong pelakunya memaksimumkan perkara-perkara kebaikan dan meminimumkan kesan perbuatan yang mengundang kepada kemudaratan. Justeru itu, kecacatan dan kelompangan yang wujud dalam aktiviti keusahawanan adalah turut berkait dengan tuntutan nilai-nilai murni. Refleksi nilai-nilai murni yang diadaptasikan dalam amalan keusahawanan dapat membantu para pengusaha untuk bergerak dengan lebih cemerlang.

Sehubungan dengan itu, berdasarkan kepada amalan nilai-nilai murni pengusaha berjaya MARA Perlis, didapati semua pengusaha telah bersetuju bahawa unsur-unsur tersebut begitu penting kepada mereka. Secara umumnya, nilai-nilai murni difahami sebagai nilai terpuji yang menepati dengan selera tuntutan agama dan tatasusila masyarakat tempatan. Oleh kerana agama mempunyai kesan dan pengaruh yang kuat, sudah tentulah nilai-nilai tersebut